



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 11 JUN 2019**

- 1. TAMAN LESTARI DIDIK PELAJAR DENGAN PERTANIAN  
- UTUSAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

## KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 11 JUN 2019

PERKARA : PERTANIAN

### Taman Lestari didik pelajar dengan pertanian

**PONTIAN 10 Jun** - Kemahiran dalam pertanian bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada seseorang individu malahan jika dilakukan secara serius dapat menjana pendapatan sekali gus dijadikan satu cabang kerjaya.

Atas kesedaran itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Barat di sini menggerakkan inisiatif mendidik ilmu pertanian kepada pelajar mereka menerusi kewujudan Taman Lestari.

Guru Penyelaras Pendidikan Khas SMK Dato' Penggawa Barat, Md. Amin Kasbin berkata, Taman Lestari tersebut dibangunkan dengan matlamat untuk melibatkan pelajar sekolah secara sepenuhnya bagi mendidik mereka ilmu berkaitan pertanian.

Katanya, ilmu yang diajar sesuai dengan kokurikulum yang disediakan Kementerian Pendidikan menerusi subjek Reka Bentuk dan Teknologi.



**TAMAN Lestari di SMK Dato' Penggawa Barat, Pontian, Johor mempunyai lebih daripada 80 tanaman yang diusahakan sendiri oleh para pelajarnya.**

“Pelajar yang difokuskan dengan aliran ini adalah mereka yang menunjukkan minat dalam bidang pertanian melebihi bidang akademik. Melalui kemahiran yang dipelajari di sini mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di rumah.

“Sekiranya mereka benar-benar serius, bidang ini mampu menjana pendapatan dan boleh dikembangkan agar menjadi ka-

rier pilihan pada masa depan,” katanya yang ditemui di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Taman Lestari yang dibangunkan di SMK Dato' Penggawa Barat itu mempunyai lebih 80 jenis tanaman membabitkan pelbagai jenis sayuran dan herba antaranya terung, cili merah, halia, lengkuas, kunyit, pandan, sawi, daun sup, pegaga, daun kesum dan cendawan.

utusan Malaysia 11 Jun 2019.